

02/12/1997

Sasaran Lima masih jauh

reports on "Lima 1997" by Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Ebi Azly Abdullah LANGKAWI, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima) adalah laluan penting pasaran yang lebih luas bagi pelbagai produk angkasa lepas dan maritim di Asia Pasifik.

Perdana Menteri berkata, kepesatan kadar pertumbuhan ekonomi di kebanyakan negara Asia Pasifik membolehkan syarikat antarabangsa yang terbabit dalam industri berkenaan menikmati pelbagai peluang perniagaan yang melimpah ruah.

Dalam perutusannya sempena Lima' 97 yang bermula esok hingga Ahad ini, beliau berkata, kepesatan pertumbuhan ekonomi memberi peluang kepada syarikat terbabit menjalin kerjasama dengan negara Asia Pasifik bagi membentuk perkongsian yang menguntungkan kedua-dua pihak.

Dr Mahathir berkata, Lima' 97 adalah petanda penting terhadap perkembangan dan pertumbuhan pameran itu sejak pertama kali diadakan pada 1991.

"Bermula dengan pameran yang tidak seberapa pada 1991 bersama program pembangunan di Langkawi, Lima kini mencapai taraf antarabangsa selaras dengan pembangunan semasa pulau ini.

"Mereka yang hadir pada 1991 dan kembali semula untuk Lima 97 menjadi saksi pembangunan pesat Langkawi.

"Kita bangga dengan kejayaan ini, tetapi kita masih jauh daripada matlamat utama," katanya.

Perdana Menteri juga berharap Lima' 97 akan berjaya manakala pengunjung dan peserta memperolehi pelbagai faedah daripada pameran berkenaan.

Lebih 900 syarikat tempatan dan antarabangsa, termasuk pengeluar pesawat utama seperti Boeing, McDonnell Douglas Aircraft Company, British Aerospace dan Bombardier Aerospace Group menyertai pameran ini.

Antara peserta bahagian maritim ialah kapal selam penggempur Kilo dari Russia dan kapal perang tentera laut beberapa negara, termasuk Amerika Syarikat dan Eropah.

Pameran akan dirasmikan Perdana Menteri di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi.

(END)